

Ganjaran Sabar

- Imam al-Sadiq (a) berkata: “Sesiapa di kalangan kaum beriman yang bersabar menghadapi dugaan akan dianugerahkan ganjaran seribu orang shuhada.” [Al-Kulayni, *al-Kafi*, jilid.2, bab *al-sabr*, hadith # 17]
- Imam al-Sadiq (a) berkata: “Apabila seorang yang beriman memasuki kuburnya, **salat di tangan kanannya, zakat di tangan kirinya, sifat kebaikan berhadapan dengannya, dengan sabar memberinya perlindungan. Berkata sabar kepada salat, zakat dan sifat kebaikan, ‘Peliharalah temanmu, dan jika kalian gagal membantunya aku sendiri akan membelanya.’**” [Ibid, hadith # 8]

Mutiara kata untuk memperolehi Sabar

Dunia ini bagaikan penjara bagi orang beriman. Himpunkanlah segala kekuatan di atas kehendakmu dan bersabarlah dan cekal dalam menempuhi turun naik dalam kehidupan. Hadapilah kesusahan dan bencana dengan keberanian dan kecekalan. Fahamilah bahawa gangguan fikiran dan siksaan perasaan di dalam dirimu, selain dari mengakibatkan keaiban besar, adalah tidak berguna dalam berhadapan dengan penderitaan dan malapetaka. Bersyukurlah kepada Allah dan jangan mengadu domba di depan makhlukNya tentang ketentuanNya yang kita tidak mampu elakkan. Sewaktu di dalam kegetiran, tumpukan seluruh penglihatan mata hatimu kepada titik tumpuan Kesempurnaan Mutlak (Tuhan) dan kamu akan menyaksikan kesan-kesannya di dalam dunia ini dan hatimu akan memperolehi suatu keluasan yang akan menjadi ruang di mana keagungan Tuhan menjelma menjadi kenyataan. Kekayaan dan kepuasan akan memenuhi hatimu sehingga setiap perkara yang berkait pada dunia ini menjadi tidak berharga langsung di mata kamu. Kesabaran, kecekalan dan kawalan diri membawa ganjaran yang adil dan melimpah-ruah serta mempunyai bentuk-bentuk yang indah dan menakjubkan di alam Barzakh. Jika kamu beriman kepada Tuhan dan meyakini bahawa semua urusan terletak di tanganNya, kamu tidak akan mengadu domba kepada Tuhan Yang Maha Besar mengenai kesusahan hidup dan kesulitan yang menimpa kamu. Sebaliknya kamu akan menerimanya dengan hati yang rela, memenuhi tanggungjawabmu dan bersyukur kepada Tuhan di atas rezeki pemberianNya [Dipetik dari Al-Khumayni, *Empatpuluh Hadith*, bab 16, ‘Sabar’]

Kesimpulan:

- Imam ‘Ali (a) berkata: “Seorang penyabar tidak akan dinafikan kejayaannya walaupun ia mungkin mengambil masa yang panjang.” [Nahjul Balagha, pepatah # 153]

Untuk maklumat lanjut tentang Islam sebenar, layari:

<http://al-islam.org/faq/>

... *Dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah di sisi orang-orang yang sabar..*
(Qur’an, 8: 46)

Imam Ja’far al-Sadiq (a) berkata:

“Sesungguhnya, hubungan sabar dengan iman ibarat kepala dan badan. Badan akan mati tanpa kepala, maka begitulah juga bila sabar lenyap, hilanglah juga iman.”

[Al-Kulayni, *al-Kafi*, jilid 2, bab *al-sabr*, ms. 128, hadith # 2]

Sifat Terpuji ...

Sabar

Bila Imam ‘Ali (a) ditanya mengenai iman, beliau menjawab:

“Struktur iman disokong oleh empat tiang: Kesabaran, Keyakinan, Keadilan dan Perjuangan Jihad. Jelasnya lagi:

‘Kesabaran mempunyai empat sifat: Keinginan kuat, ketakutan, kesalihan dan jangkaan ajal. Oleh itu, sesiapa yang berkeinginan kepada Syurga akan menahan godaan dunia; sesiapa yang takutkan api Neraka akan mengelakkan dosa; sesiapa yang beramal salih akan menanggung kesusahan dan kegetiran hidup di dunia dengan mudah dan sesiapa yang menjangka ajalnya akan pantas mengerjakan amalan baik.’”

[Al-Amidi, *Ghurur ul Hikam wa Durar ul Kalim*, hadith # 2897]

Maksud Sabar

- Tokoh ilmuwan tersohor Nasir al-Din al-Tusi berkata: **“Sabar bermaksud menahan diri dari marah apabila berhadapan dengan perkara yang tidak disukainya.”**
- Tokoh ilmu ‘Arif Khwajah ‘Abd Allah al-Ansari berkata: **“Sabar bermaksud menahan diri dari mengadu tentang siksaan batin.”**

Taraf dan Peringkat Kesabaran

Ada beberapa taraf dan peringkat kesabaran seperti yang dinyatakan oleh riwayat para auliya, di mana ganjaran dan kepujiannya berbeza menurut taraf dan peringkat.

- Imam 'Ali (a) berkata, "Utusan Allah (s) berkata: **“Sabar mempunyai tiga jenis: sabar ketika di dalam kesusahan, sabar dalam mentaati perintah Allah dan sabar dalam meninggalkan larangan Allah. Dan jenis ketiga itulah yang paling utama dari dua yang lain.”** [Al-Kulayni, *al-Kafi*, vol. 2, bab *al-sabr*, hadith # 15]
- Imam ‘Ali (a) berkata: **“Sabar mempunyai dua jenis: sabar terhadap apa yang kamu tidak sukai dan sabar terhadap apa yang kamu sukai.”** [Mizan al-Hikmah, hadith # 10099]

Perhubungan di antara Sabar dan *Ma'rifah* Tuhan

□ Selagi seseorang itu merasa penderitaan dalaman disebabkan nasib malang dalam kesulitan hidup, *ma'rifah* (pengetahuan spiritual) Tuhan amat sedikit. Apabila seseorang mencapai keredhaan dan kepuasan menghadapi kesusahan dan serba kekurangan, jiwanya mencapai tahap yang lebih tinggi dalam kedekatannya kepada Tuhan. Kesabaran dalam menahan diri dari membuat dosa dan ta'at memenuhi tanggungjawab adalah berhubungkait dengan kurang pengetahuan tentang rahsia-rahsia ibadah dan bentuk-bentuk perlakuan dosa dan keta'atan.

□ Apabila seseorang itu yakin bahawa apa yang dia bakal perolehi di Akhirat adalah hasil dari amalannya di dunia sewaktu hayatnya, dia tidak akan khuatir apabila menempuhi kesusahan dan kegetiran. Malah dia akan bergembira dengan kesusahan yang dihadapi dalam memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab spiritualnya. Kegembiranya melebihi penderitaan seorang yang normal yang menempuhi kesusahannya. Perhubungan spiritual dengan Tuhan tumbuh subur sewaktu kegetirannya. Sebuah manifestasi keredhaan yang tinggi telah dicontohi melalui keperibadian sahabat-sahabat Imam Hussain (a) sewaktu peristiwa Karbala.

- Imam Reza (a) berkata: (di antara gesaan Rasulullah (s) kepada Abu Dharr (ra): **“...Jika kamu mampu bertindak demi keredhaan Allah dengan keyakinan yang kukuh, maka bertindaklah. Dan jika kamu tidak mampu maka bersabarlah dengan perkara-perkara yang kamu tidak sukai kerana ia akan membawa limpahan rahmat.”** [Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, jilid. 82, ms. 136, hadith # 21]

Hasil Kesabaran

□ Kesabaran memberikan banyak hasil yang baik termasuklah latihan dan disiplin kerohanian. Jika seseorang menempuhi kemalangan dan malapetaka dengan penuh kesabaran untuk suatu tempoh dan menahan keperitan di dalam amal ibadahnya, kegetiran yang timbul akibat meninggalkan larangan-larangan Allah, dan jika semua ini dilakukan demi keta'atan terhadap Tuhannya, lama-kelamaan ia akan menjadi mudah

baginya untuk menempuhi kesusahan dan kesulitan. Jiwa raga seorang yang sabar melepaskan keadaan yang sebelumnya tiada kawalan dan dia membina sebuah tahap ketahanan yang bercahaya yang akan mengangkatnya ke atas peringkat yang lebih tinggi dari peringkat kesabaran untuk mencapai peringkat spiritual yang lebih tinggi. Bersabar sambil mengamalkan makruf dan melarang kemungkaran (*amr bil ma'ruf wa nahi 'anil munkar*) membuatkan seseorang itu lebih sabar dan tegas.

- Penderitaan, kecemasan dan tindakan fizikal yang tidak dijangka sewaktu malapetaka seperti kehilangan kewangan, kematian, bencana alam dan sebagainya adalah tanda-tanda kelemahan jiwa. Kelemahan ini menyebabkan keperibadian yang tidak stabil dan rendah maruah, melemahkan keazaman dan intelek. Sepanjang detik-detik musibah ini, kesabaran adalah kunci kepada kebahagiaan dan pembebasan. Ia mengukuhkan semangat dan kuasa untuk nekad dalam mengatasi kesulitan, membuat keputusan rasional dan bertindak dengan bijak.
- Kesabaran berkaitan dengan dosa adalah sumber ketaqwaan diri. Kesabaran berkaitan dengan keta'atan adalah sumber kedekatan kepada Tuhan dan CintaNya. Dan kesabaran dalam mengalami nasib malang adalah sumber keredhaan dengan qadha dan qadar Allah.

Peringkat-peringkat Kesabaran yang Lebih Tinggi

□ *Sabr fi Allah* (Sabar kepada Allah): Ia bermaksud ketabahan dalam berusaha membuang tabiat jahat (contohnya berbohong, memfitnah, tamak) dan sifat-sifat buruk (keegoan, kepura-puraan, irihati) dan meninggalkan perkara-perkara yang dicintai (contohnya meninggalkan muzik haram, mengurangkan tidur untuk amal ibadah waktu malam, makan dengan sederhana) sewaktu penyucian diri. Ianya adalah penafian keinginan diri ke arah jalan Yang Dicintai (Tuhan). Peringkat ini dipunyai oleh para musafir berkelana (*ahl al-suluk*).

□ *Sabr ma'a Allah* (Sabar dengan Allah): Seorang musafir yang ghairah di jalan Allah sewaktu ibadah dan usaha-usahanya yang ikhlas mencapai kemuliaan kerana sifat tidak mementingkan diri hinggan dia akan menyaksikan kedekatannya kepada Allah dari masa ke semasa. Nur cahaya sifat dan nama-nama Allah menerangi hati dan penglihatan musafir ini. Dia harus bersabar dan mengawal dirinya dari saki-baki kecil sifat cintakan diri, bermegah-megah dan sebagainya. Sewaktu fasa-fasa ini demi menyaksikan sendiri peringkat-peringkat kesabaran yang lebih tinggi.

□ *Sabr an Allah* (Sabar dari Allah): Peringkat ini adalah mengenai peringkat di mana pecinta-peccinta Tuhan setelah mengalami kecintaanNya terpaksa pulang ke dunia fizikal dan terpaksa menanggung derita perpisahan dariNya. Inilah kesabaran yang paling perit dan getir di antara semua peringkat kesabaran. Peringkat kesabaran yang sangat menakjubkan ini diceritakan oleh Imam ‘Ali (a) di dalam Du'a Kumayl yang terkenal **“Ya Tuhanku! Kalau pun aku mampu menahan siksaan hukumanMu, bagaimana harus ku menanggung derita perpisahan dariMu?!”**

□ *Sabr bi Allah* (Sabar untuk Allah): Inilah kesempurnaan yang dialami oleh insan yang mencapai peringkat kewujudan hanya bersama Tuhan (*baqa' bi Allah*) dan membentuk dirinya dengan sifat-sifat Allah (*takhalluq bi akhlaq Allah*). Peringkat ini adalah untuk mereka yang dianugerahkan kestabilan dan kecekalan, dan dicapai hanya selepas Sabar dengan Allah (*Sabr ma'a Allah*).